

UNDANG-UNDANG KEMANUSIAAN ANTARABANGSA



Apakah itu **Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa?**

- Satu badan peraturan yang mengenakan had terhadap penggunaan senjata dan kaedah peperangan
- Melindungi mereka yang tidak, atau tidak lagi mengambil bahagian dalam pertempuran
- Bertujuan untuk melindungi maruah manusia dan mengehadkan penderitaan semasa peperangan
- Juga dikenali sebagai undang-undang peperangangan atau undang-undang konflik bersenjata

Mengapakah Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa penting?

- Salah satu undang-undang yang paling penting yang dimiliki oleh masyarakat antarabangsa bagi menjamin keselamatan dan maruah manusia semasa perang
- Bertujuan memelihara satu tahap kemanusiaan yang tertentu, dengan berpandukan prinsip bahawa peperangan juga ada hadnya

Siapaakah yang dilindungi oleh Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa?

- Mereka yang tidak mengambil bahagian dalam pertempuran, contohnya:
 - > orang awam
 - > anggota perubatan dan kor agama angkatan tentera
 - > mereka yang tidak lagi terlibat di dalam pertempuran, contohnya penempur yang cedera, karam atau sakit
 - > tawanan perang
- Terdapat juga peraturan-peraturan khas yang melindungi wanita dan kanak-kanak yang selalunya mudah menjadi mangsa semasa peperangan

Bagaimanakah Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa melindungi?

- Mengehadkan penggunaan jenis senjata yang boleh menyebabkan kemusnahan yang tidak wajar dan tidak membezakan antara penempur dan orang awam
 - >membezakan antara penempur dan orang awam, serta tidak menyerang orang awam
 - >membantu mereka yang cedera dan sakit, serta melindungi anggota perubatan
 - >memelihara maruah tawanan perang dan tahanan awam dengan membenarkan perwakilan palang merah melawat mereka